

03 SEP 2002

Mahathir-Tasik (Bergambar)

DR MAHATHIR BAWA MENTERI KABINET LAWAT TASIK PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membawa beberapa menteri kabinet meninjau Tasik Putrajaya yang terletak dalam kawasan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Lawatan bagi meninjau keindahan serta pembangunan sekitar tasik itu mengambil hampir 45 minit dengan menggunakan bot dan bermula dari kawasan tasik berhampiran Kelab Tasik Putrajaya.

Bot yang membawa Dr Mahathir dan rombongan kabinet turut menyusuri bahagian bawah beberapa jambatan seperti Jambatan Seri Bakti, Jambatan Seri Gemilang dan Jambatan Seri Saujana.

Antara bangunan yang tersergam dan boleh dilihat keindahannya dari tasik ini termasuk Kompleks Pejabat Perdana Menteri, Masjid Putra dan sebuah pusat persidangan antarabangsa yang sedang dibina.

Perasmian Majlis Penyempurnaan Tasik yang berasal daripada sebuah alor seluas dua meter telah dilakukan oleh Dr Mahathir pada 20 Ogos lepas.

Tasik buatan manusia yang seluas 400 hektar itu mempunyai kawasan pesisir sepanjang 38 kilometer.

Tasik itu turut merangkumi kawasan tanah paya seluas 197 hektar dengan kualiti airnya terkawal dan paras kedalamannya ditetapkan pada 21 meter.

Ia dibangunkan dalam dua fasa yang merangkumi pembangunan tanah paya dan sebuah empangan sementara sepanjang 380 meter dan akan dilengkapi dengan pelbagai kegiatan seperti aktiviti kapal layar, memancing, bersampan dan sukan air yang lain.

Tasik ini diuruskan oleh Unit Tasik dan Wetland di bawah Perbadanan Putrajaya yang bertanggungjawab bagi mengurus keseluruhan kawasan pentadbiran seluas 4,932 hektar itu.

-- BERNAMA

RV RV MOZ